

CONTOH KES

MEMANG terdapat kes di mana bapa secara sengaja enggan memberi nafkah kerana kononnya mahu menghukum bekas isteri tetapi yang sebenarnya dihukum adalah anak-anak.

Jika ibu tidak bekerja dan mempunyai anak-anak serta suami tidak memberi nafkah, sudah tentu mereka tidak dapat hidup selesa. Apatah lagi jika tinggal di rumah sewa yang tiada sesiapa boleh membantu membayar sewa.

Akhirnya mereka diarah pindah, ke manakah harus mereka pergi? Siapa yang akan membantu mereka? Ibu yang mula mencari kerja terpaksa meninggalkan anak-anaknya di rumah tanpa seliaan orang dewasa. Ibu tidak akan mampu mencari pembantu rumah atau meninggalkan anak dengan pengasuh kerana gajinya sangat kecil.

Dilema ibu tunggal seperti ini sangat ramai. Mereka terpaksa meminta-minta dan ada yang balik ke pangkuan keluarga untuk mendapat bantuan. Keluarga pula bukan semua boleh membantu dengan ikhlas.

Sebab itu ramai ibu tunggal lebih rela tinggal menyewa di bandar daripada meminta bantuan ibu bapa mereka. Dalam keadaan seperti ini terdapat anak-anak terpaksa berhenti sekolah untuk bekerja.

Ibu tunggal ini biasanya tidak ke Mahkamah Syariah untuk menyaman bekas suami yang enggan membayar nafkah kerana dia tiada duit untuk makan apatah lagi untuk membeli borang di mahkamah. Mereka juga tidak mampu mengupah peguam.

Akhirnya terpaksa membiarkan bekas suami menzalimi anak-anak mereka. Bekas suami atau bapa hidup dalam dosa kerana mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anaknya.

Bersedialah menerima azab api neraka apabila mati nanti. Jika anak kelaparan sehingga sakit dan tidak dibawa ke hospital kerana ketiadaan wang, bapa inilah penyebabnya. Ada anak-anak akhirnya menjadi pencuri, pembunuh dan penipu kerana mereka perlukan wang.

Salah siapakah ini? Tidakkah mereka berasa bersalah dan berdosa membiarkan anak-anaknya kelaparan? Tidakkah kasihankah melihat anak mereka yang tidak berdosa menderita kerana sakit?

Tidak malukah bapa-bapa ini kepada Allah SWT?

Dilema anak mangsa perceraian

Beri kesan terhadap perkembangan anak

fiqh munakahat

Bersama **PROF. DATUK NOOR AZIAH MOHD. AWAL**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, **UKM** serta Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, **UKM** & Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, (Yadim). Boleh dihubungi di naha61@gmail.com



KEGEMBIRAAN menerima menantu dapat dilihat daripada raut muka pasangan ibu bapa. Namun, tidak semua bernasib baik, ada juga yang menerima menantu seorang diri kerana suami atau isteri telah meninggal dunia atau bercerai semasa anak-anak masih kecil.

Bagi pasangan pengantin pula, jika ibu bapa mereka pernah bercerai, melangkah masuk ke alam perkahwinan adalah satu langkah yang mencabar. Malah ramai daripada mereka berfikir panjang kerana takut apa yang terjadi kepada ibu bapa mereka bakal terjadi kepada mereka.

Oleh itu, ada yang memilih untuk tidak berkahwin dengan alasan "takut dapat suami macam bapa" atau "takut beristeri orang seperti ibunya!"

Dalam perkahwinan, perkara utama ialah nafkah semasa berkahwin dan

selepas bercerai. Semasa pasangan berkahwin, soal makan minum, tempat tinggal, pakaian dan perubatan isteri serta anak-anak ditanggung suami sebagai orang yang bertanggungjawab memberi nafkah.

Kebanyakan pasangan hari ini tidak jelas mengenai nafkah kerana kedua-dua pasangan bekerja. Adalah lebih baik merujuk al-Quran dan hadis dalam hal ini. Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah, 233: "Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan ke atas bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya."

ANTARA ALASAN ENGGAN BERI NAFKAH:

- PENDAPATAN tidak mencukupi
- Bekas isteri enggan beri kerjasama dalam hal jagaan dan pemeliharaan anak
- Bekas isteri tidak benarkan mereka berjumpa anak.

KETAHUI HAK NAFKAH

Berdasarkan nas tersebut adalah jelas nafkah anak tetap menjadi kewajipan seorang bapa walau dalam apa juga keadaan. Dalam kitab *Fiqh al-Manhaj*, kewajipan memberi nafkah kepada anak adalah berdasarkan kepada syarat nafkah usul (ayah, datuk) kepada furuk' (anak, cucu). Usul dimaksudkan dengan

KERANA kesempatan hidup terdapat kanak-kanak terpaksa berhenti sekolah untuk membantu keluarga mereka mencari rezeki. **GAMBAR HIASAN**



bapa dan datuk (usul keturunan) yang wajib memberi nafkah kepada anaknya serta cucunya hingga ke bawah (furu' keturunan).

Oleh itu, bapa adalah orang bertanggungjawab membiayai nafkah anak sama ada lelaki atau perempuan. Jika anak itu tidak mempunyai bapa, maka datuk iaitu ayah kepada bapa wajib mengambil tanggungjawab berkenaan.

Ini bermakna kewajipan memberi nafkah kepada anak lebih utama untuk dilaksanakan oleh bapa. Ibu tidak dibebankan dengan tanggungjawab itu tetapi apa yang diberikan jika ada dianggap pemberian sumbangan bagi membantu suami.

Justeru, apabila seorang bapa mempunyai harta kekayaan, wajib ke atasnya membiayai nafkah anaknya dengan hartanya. Jika tidak berharta tetapi mampu membuat kerja, wajib ke atasnya berusaha mencari kerja yang membolehkannya membiayai nafkah.

Dengan itu, bapa yang menganggur dan mengharapkan ibu membayar keperluan anak adalah lelaki yang tidak amanah dan berdosa. Kitab *Fiqh al-Manhaj* menjelaskan kewajipan seorang bapa menanggung nafkah anaknya tidak akan terjejas sekali pun mereka adalah berlainan agama.

BUKAN PERKARA MUDAH

Ramai dalam kalangan pasangan muda hari ini agak keliru atau tidak memahami konsep nafkah. Ia adalah kewajipan seorang lelaki yang bernama suami. Wajib bermakna, dibuat dapat pahala dan jika diabaikan mendapat dosa.

Namun hari ini, ramai dalam kalangan suami atau bapa tidak bekerja dan ditanggung isterinya. Isteri menjadi ketua rumah yang bertanggungjawab mencari rezeki.

Dalam kes suami atau bapa tidak sihat, gila atau tidak berkemampuan, maka tanggungjawab itu perlu dipikul oleh keluarganya iaitu bapanya (datuk kepada anak-anak) atau saudara lelaki suami atau bapa. Persoalannya, adakah ini berlaku?

ANAK JADI MANGSA

Sekarang kita dapati lebih ramai wanita yang bekerja dan suami duduk di rumah akibat diberhentikan kerja atau berhenti kerja untuk berniaga dan akhirnya perniagaan tidak menjadi. Apabila ini berlaku, isteri dibebankan dengan semua tanggungjawab yang sepatutnya ditanggung oleh suami.

Yang lebih mendukacitakan apabila isteri sudah tidak mampu menanggung keluarganya, suami mengambil keputusan meninggalkan mereka atas alasan tidak mendapat layanan daripada isteri. Anak-anak adalah pemerhati yang jujur dan setiap apa yang berlaku dirakam dalam minda mereka dan ia akan berada lama dalam pemikiran mereka.

Dapatkah anak melupakan kesusahannya itu? Hari ini ramai pasangan muda yang bercerai dan ramai juga suami atau bapa yang secara sengaja enggan membayar nafkah anak.